

BIDANG KEPAKARAN

1. Undang-Undang dan Pengurusan Persekitaran
(*Environmental Law and Management*)
2. Governan untuk Kelestarian dan Keadilan Persekitaran
(*Governance for Sustainability and Environmental Justice*)
3. Kelestarian Persekitaran dalam Bidang Kesihatan dan Teknologi
(*Environmental Sustainability in Health and Technology related Studies*)



PROF. DR. MUHAMMAD RIZAL RAZMAN

PROFIL

Profesor Dr. Muhammad Rizal Razman adalah seorang Profesor dalam bidang Undang-Undang dan Pengurusan Persekitaran di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau berpengalaman luas lebih daripada 27 tahun dalam penyelidikan berkaitan dengan kelestarian persekitaran berasaskan kepada pendekatan undang-undang dan pengurusan persekitaran; governan untuk kelestarian ke arah keadilan persekitaran; serta kelestarian persekitaran dalam kajian berkait-rapat dengan kesihatan dan teknologi. Profesor Muhammad Rizal pernah dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia selaku Ahli Jawatankuasa Semakan kepada Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara; dan Profesor Muhammad Rizal pernah dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia selaku Ahli Jawatankuasa Semakan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974; serta Natural Resources and Environment Board Sarawak pernah melantik Profesor Muhammad Rizal sebagai penasihat pakar bagi undang-undang dan pengurusan persekitaran. Agensi luar negara turut memberi kepercayaan terhadap kepakaran Profesor Muhammad Rizal dimana United States Agency for International Development (USAID) dan South East Asia One Health University Network (SEAOHUN) pernah melantik Profesor Muhammad Rizal sebagai Ahli Panel Pakar bagi kelestarian alam sekitar dalam bidang kesihatan dan teknologi untuk pengurusan wabak Covid-19. Malah, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia bersama-sama Universitas Riau, Indonesia dan Universitas Tadulako, Palu, Indonesia telah melantik Profesor Muhammad Rizal sebagai Ahli Panel Pakar bagi governan untuk kelestarian ke arah keadilan persekitaran untuk pengurusan wabak Covid-19. Profesor Muhammad Rizal turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Program Akademik (Master of Environmental Policy) bagi Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Program Akademik (Master of Food Security and Climate Change) serta (Master of Sustainability Landscape Management) bagi Universiti Putra Malaysia (UPM). Profesor Muhammad Rizal telah memperoleh lebih daripada 43 dana projek penyelidikan baik dalam dan luar negara serta merupakan seorang penulis yang produktif sehingga telah menerbit lebih daripada 155 makalah dalam jurnal terindeks SCOPUS serta sitasi melebihi (1,342) dengan H-indeks (22) dalam SCOPUS.